

Perolehan koperasi sekolah cecah RM500j

Oleh KASANABILAH KAMARUL ZAMAN

KUALA TERENGGANU — Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) menyasar 2,349 koperasi sekolah di seluruh negara dapat menjana perolehan sebanyak RM500 juta pada tahun ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya optimis mampu mencapai sasaran tersebut memandangkan sehingga kini, 300 koperasi sekolah sudah mencapai perolehan tahunan seba-



ABDUL FATTAH (dua dari kiri) berkata sesuatu kepada peserta seminar di Kuala Terengganu semalam.

nyak RM500,000.

“Bagi mencapai misi tersebut, Angkasa akan membantu sekurang-kurangnya 50 daripada kope-

rasi sekolah berdaya maju untuk mempertingkatkan perolehan tahunan kepada sekurang-kurangnya RM1 juta pada tahun ini,” kata-

Kosmo (nrf 52)
13/03/2017

nya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu beliau ditemui selepas merasmikan Seminar Pembangunan Koperasi Sekolah Negeri di sini baru-baru ini.

Selain itu, Abdul Fattah berkata, Angkasa juga akan menyerahkan kertas cadangan kepada Kementerian Pendidikan bagi mempertimbangkan cadangan agar pengurusan kantin sekolah diserahkan kepada koperasi pada masa terdekat.

Beliau berkata, Angkasa yakin sekiranya pengurusan kantin sekolah diambil alih oleh koperasi, isu konflik kepentingan dapat dikurangkan dan pelajar juga dapat menikmati makanan pada harga yang lebih murah.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia